



KETUA PENGARAH
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 6, BLOK B2
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA



Telefon : 03-88882311
Faks : 03-88883163
Email : normah@mampu.gov.my

MAMPU.BDPICT (S) 700-6/1/3 (21)

19 November 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Y.Bhg./Y.B. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGGUNAAN MEDIA JARINGAN SOSIAL DI SEKTOR AWAM

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti Y.Bhg./Y.B. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, penggunaan media jaringan sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *MySpace* telah digunakan secara meluas di sektor awam samada dalam atau luar negara. Media jaringan sosial merupakan satu saluran komunikasi berkesan yang telah diguna pakai oleh pelbagai pihak untuk berkomunikasi dan berkongsi pelbagai maklumat yang berkaitan.

3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) Bil. 2 Tahun 2009 bertarikh 6 Ogos 2009 telah memutuskan bahawa penggunaan media jaringan sosial dalam sektor awam tidak disekat penggunaannya, namun begitu ia perlulah dikawal dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:



- (a) mematuhi Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1 Tahun 2003 "Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan";
- (b) sebarang bentuk maklumat yang dikongsi dan disebar melalui media sosial tidak menjejaskan kepentingan perkhidmatan awam dan kedaulatan negara; dan
- (c) tidak melibatkan penyebaran maklumat dan dokumen terperinci.

4. Pihak Y.Bhg./Y.B. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan semua maklumat Kerajaan hendaklah dikendalikan mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Sebarang perbuatan mendedahkan maklumat jabatan adalah bertentangan dengan Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 iaitu Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan juga Arahan Keselamatan.


5. Semua Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya agar peraturan ini dipatuhi dan dipantau sepenuhnya dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

"BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK NORMAH/BINTI MD. YUSOF)

s.k.

Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hj Hassan
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA